

Pencegahan Penularan Covid-19: Analisis Persediaan Menurut Islam

Covid-19 Contagion Prevention: Inventory Analysis According to Islam

Faisal Husen Ismail (Corresponding Author)

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum Universiti Tun Hussein Onn.
Malaysia, Johor Malaysia
faisalhu@uthm.edu.my

Muhammad Masruri, Arwansyah Kirin, Abd Shakor Borham, Ahmad Sharifuddin

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia, Johor Malaysia

Zaitun Muzana

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Kolej Universiti Bestari, Setiu, Terengganu

Abstrak

Penularan Covid-19 telah merebak ke seluruh dunia. Fenomena ini mengakibatkan kepanikan luar biasa dan menjadi perhatian di peringkat kebangsaan mahupun global. Jangkitan Covid-19 berlaku melalui tetesan air liur, permukaan tercemar mahupun sentuhan manusia kepada manusia telah mengakibatkan sindrom pernafasan akut menyebabkan kematian. Golongan warga tua merupakan kumpulan umur rentan terhadap Covid-19. Oleh itu tempoh isolasi mandiri dalam tempoh 2-14 hari dikenakan kepada orang yang mempunyai riwayat kontak rapat dengan pesakit Covid-19. Penjagaan kebersihan diri melalui control kesihatan pada tahap tinggi, kerap membasuh tangan, elakkan daripada bersalaman, halangan daripada keluar rumah serta memakai pelitup muka mahupun penutupan sempadan negara antara tatacara efektif untuk mengawal penyebaran virus. Kajian ini mengulas literatur mengenai maklumat pandemik penyakit mematikan zaman silam, rawatan dan tatacara persediaan menghadapi pandemik Covid-19. Tatacara persediaan, protokol kesihatan dan keselariannya dengan literatur sumber rujukan Islam dibincangkan dalam kajian ini.

Kata Kunci: Pandemik, Pencegahan Covid-19, Islam, Protokol Kesihatan

Abstract

Covid-19 transmission has spread worldwide. This phenomenon caused great panic and became an international concern. Covid-19 infection occurs through saliva droplets, contaminated surfaces, or even human-to-human contact, resulting in acute respiratory syndrome resulting in death. The elderly is the age group susceptible to Covid-19. Therefore, a period of self-isolation in periods 2–14 days applied to persons with a history of close contact with Covid-19 patients. Personal hygiene through a high level of health control, frequent hand washing, avoidance of shaking hands, barriers from leaving the house and wearing face masks and closing national borders are among the effective procedures to control the spread of the virus. This study reviews the literature on pandemic information of lethal diseases of the past, treatment, and preparation procedures in the face of the Covid-19 pandemic. Preparatory procedures, health protocols and their parallels with Islamic reference source literature are discussed in this study.

Keywords: *Pandemic, Covid-19 prevention, Islam, health protocols*

1. Pendahuluan

Mutakhir ini, penyakit mematikan semakin kerap berlaku berbanding masa dahulu. Banyak kematian berlaku akibat wabak pandemik virus. Mers-Cov, Sars, Ebola merupakan antara jenis virus yang mengakibatkan kematian (Nascimento Junior, et.al., 2020). Jumlah kematian akibat jangkitan virus tersebut mencecah angka 50 ribu orang. Namun virus terbaru yang dinamakan Covid-19 diketahui berlaku pada kali pertama di Wuhan, China telah telah menyebar hampir ke seluruh dunia serta mengakibatkan jumlah kematian yang berlipat kali ganda berbanding virus sebelumnya (lihat jadual 1).

Jadual 1
Jumlah orang terjangkit akibat virus tahun 2012-2021

Jenis	Terjangkit	Kematian	Peratus	Jumlah Negara	Tahun
Mers-Cov	2494	858	34,4 %	27	2012-2019

57 Pencegahan Penularan Covid-19: Analisis Persediaan Menurut Islam

SARS	8098	774	9,6%	26	2002-2003
Ebola	28616	11310	25%-90%	Negara Afrika Barat	2014-2016
Covid-19	107 juta	2.34 juta	2.5%	213	2019-2021

Keadaan ini menyebabkan masyarakat panik akibat jumlah jangkitan Covid-19 masih menunjukkan trend menaik sehingga bulan Februari 2021 (Marzuki, I., et.al., 2021). Ekoran jangkitan semakin tinggi, jumlah kematian turut bertambah setiap hari. Keadaan ini menyebabkan pemerintah dan masyarakat dunia memandang serius dalam menangani wabak Covid-19. Pelbagai tindakan dan usaha dilakukan bagi mengekang penyebaran Covid-19 (Felsenstein, S., et. al., 2020).

Pengurusan pandemik penyakit memamatkan memerlukan kepada satu pengurusan yang cekap dan berwibawa. Satu pengurusan perlu dibentuk bagi mengurus dan membantu mengurangkan risiko kemusnahan nyawa, harta benda mahupun ekonomi. Kerosakan dari sudut fizikal kerana kematian, kehilangan punca pendapatan mahupun perasaan ketakutan akibat pandemik Covid-19 serta memerlukan usaha tak kenal lelah bagi memutus rantai penyebarannya.

Usaha dan sumbangan menghentikan penyebaran Covid-19 dilakukan para pakar perubatan, ahli akademik mahupun pemuka agama bagi mengekang penyebarannya (Golechha, M., 2020). Banyak pihak telah menyumbang bakti pada kadar kemampuan masing-masing dan tanggungjawab kepada agama dan masyarakat bangsa dalam memerangi virus Covid-19. Sumbangan doktor perubatan dengan cara menganalisa penyakit dan meramu ubat yang memberi manfaat serta tatacara pemeliharaan diri dari penyakit. Sumbangan ulama melalui cara memaklumkan hukum-hakam berkaitan hal ehwal penyakit memamatkan serta mengingatkan masyarakat daripada hal mengada-ada dalam agama (*bid'ah*) semasa wabak bencana berlaku serta memberi nasihat untuk menenangkan hati manusia serta membimbing mereka untuk bersangka baik kepada Allah serta bertaubat, menyesali serta mengingatkan mereka dengan keimanan kepada *qada`* dan *qadar*.

Manakala sumbangan pendidik dan pengajar pula menyampaikan dengan sebaik-baiknya untuk memperbaiki generasi serta menghibur orang-orang yang bersedih serta meringankan beban keperitan akibat pandemik. Para sejarawan pula turut menyumbang melalui penulisan dan perekodan peristiwa besar ini yang mengorbankan banyak nyawa manusia dari masa ke masa, dan menyimpannya dalam sejarah kenangan manusia generasi seterusnya. Hal ini sebagai peringatan kepada manusia yang selamat daripada wabak pandemik serta mendapat manfaat daripadanya serta meninggalkan warisan pengalaman kepada generasi seterusnya.

Berdasarkan literatur sejarah, kewujudan penyakit mematikan telah berlaku pada zaman silam. Antaranya penyakit Taun yang telah berlaku beberapa kali di negara-negara Islam (Vos, T., Lim, et.al., 2020). Kitab-kitab sejarah klasik memaklumkan wabak Taun secara detil bila bermula dan berakhir, jumlah kematian, dan suasana semasa wabak Taun. Ibnu Hajar al-Athqalani memaklumkan wabak Taun telah berlaku di bahagian timur negara-negara Islam. Seterusnya Bashir Abdul-Ghani menulis dalam kitabnya *Tarikh al-Kawarith fi Bayt al-Maqdis* beberapa wabak Taun telah berlaku di Bayt al-Maqdis (Yerusalem) dan sekitarnya.

Begitu pula wabak Taun juga berlaku di sebelah barat negara-negara Islam. Bahkan Ibnu Hajar (w. 852 H) turut kehilangan tiga anak perempuannya akibat wabak (Ibn Hajar al-Athqalani (n.d). Manakala tokoh ulama seperti Zainuddin bi al-Wardi (w. 749 H) turut meninggal akibat wabak Taun di Halab (Syria) bermula tahun 742 H sehingga 749 H. Begitu pula Taj al-Din al-Subki (w. 771 H) seorang tokoh ulama besar mazhab Syafi'i juga meninggal dunia akibat Taun.

Justeru kajian ini hendak menerokai persediaan menghadapi wabak pandemik penyakit mematikan berdasarkan pandangan Islam. Perbincangan berkaitan persediaan menghadapi penyakit mematikan masih kurang dalam kalangan sarjana Islam, bahkan rujukan berkaitan persediaannya amat sedikit. Menurut pengkaji, hal ini boleh berlaku disebabkan kewujudan wabak pandemik merupakan peristiwa yang jarang berlaku sehingga berlaku sifat lupa terhadap persediaan menghadapi wabak penyakit mematikan.

2. Metodologi

Metode kajian ini adalah kualitatif deskriptif dengan merujuk kepada kitab-kitab sejarah klasik berkaitan penyakit mematikan. Selain itu

pandangan-pandangan ulama turut penulis rujuk dalam membincangkan persediaan menghadapi penyakit mematikan serta membandingkan kesesuaian amalan yang dijalankan pihak berautoriti ketika wabak Covid-19 berlaku pada masa sekarang ini. Selain itu penulis turut merujuk kepada kertas kerja, jurnal mahupun keratan akhbar bagi memperolehi maklumat berkaitan pandemik penyakit mematikan.

3. Peristiwa Wabak Taun Dalam Lipatan Sejarah Islam

Peristiwa penyakit mematikan dilaporkan telah berlaku di negara-negara umat Islam khususnya dan dunia pada umumnya. Terdapat laporan menunjukkan wabak Taun telah berlaku di zaman Baginda Nabi Muhammad SAW. Wabak Taun Amwas berlaku di Parsi menyebabkan seramai 25 ribu orang meninggal dunia. Sekali lagi Taun Amwas dilaporkan berlaku pada masa pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab tahun 17 H. Seterusnya wabak Taun berlaku di Kufah tahun 49 H dan tahun 53 H turut menyebabkan Ziyad bin Abihi meninggal dunia. Selain itu, wabak Taun di Mesir dilaporkan berlaku pada tahun 66 H. Bahkan di Basrah wabak Taun pada tahun 67 H mengakibatkan ramai kematian berlaku. Taun Fatayat pada tahun 85 H yang menyebabkan ramai wanita muda terserang virus dan meninggal dunia. Wabak Taun turut menyebabkan kematian khalifah Abdul Aziz bin Marwan pada tahun 86 dan Adi bin Arthaah pada tahun 100 H.

Penghabaran tentang wabak Taun dikhabarkan juga berlaku pada kurun kedua Hijriah antaranya tahun 107 H dan 115 H di Syam, Taun Ghurab tahun 127 H. Taun tahun 131 H di Basrah turut menyebabkan kematian Salim bin Qutaibah. Pada masa pemerintahan Daulah Abbasiyyah berlaku wabak Taun al-Ray iaitu tahun 134 H. Tahun 146 H wabak Taun melanda Baghdad.

Pada abad ketiga wabak Taun sekali lagi berlaku di Basrah iaitu tahun 221 H dan disusuli wabak Taun di di Iraq tahun 249 H. Disebabkan penulisan dan pengkajian begitu semarak pada abad ketiga, beberapa penulisan khusus berkaitan wabak Taun telah berjaya dihasilkan. Karya penulisan kitab yang dihasilkan seperti kitab hasil karya al-Kindi (w. 260 H) bertajuk *Fi al-Abkhirah al-Maslahah li al-Jaw min al-Waba`*. Namun sangat disayangkan bahawa naskhah penulisan tersebut tidak dapat ditemui sehingga sekarang. Begitu juga naskhah kitab berkaitan Taun karya Ibn Abi al-Dunya dikatakan juga hilang. Salah satu rujukan yang dapat ditemui dan telah dicetak berkaitan wabak Taun pada abad ketiga

ialah kitab yang ditulis Qistha bin Luqa (w. 300H) bertajuk al-i`da` sebagaimana yang dikhabarkan Lutfullah Qari.

Pada abad ke empat hijriah, wabak Taun dilaporkan berlaku di Asbahan pada tahun 324. Pengkhabaran peristiwa ini boleh didapati dalam penulisan karya al-Razi (w. 313 H) yang bertajuk al-Sabab fi Qatl Rih al-Samum akthar al-hayawan cetakan al-Risalah al-Wabaiyyah. Manakala Abi Sahl al-Masihi (w. 401 H) melaporkan dalam kitabnya Risalah fi tahqiq Amr al-Waba` wa al-Ihtiraz minhu wa Islahuhu iza Waqa`a bahawa wabak Taun berlaku pada abad kelima hijriah di kawasan Bashrah (406 H), India dan sebahagian benua Asia (423 H), serta Taun di Syairaz, Bashrah dan Baghdad tahun 433 H, Taun di Azerbaijan, Bukhara tahun 449 H. Begitu pula pada abad ke enam, Taun dilaporkan berlaku di Baghdad tahun 575 H sebagaimana dikisahkan Abd Latif al-Baghdadi (w. 629 H) dalam kitab al-Ifadah wa al-I`tibar fi al-umur al-Musyadah wa al-Hawadith al-Mu`ayinah bi Ard al-Misir dicetak di Damsyik. Pada abad ketujuh peristiwa wabak Taun di Mesir (633 H) dapat ditemui dalam penulisan Abi Abdillah Muhammad bin Yusuf bin Umar bin Imran al-Mazraghi al-Fasi (w. 655 H).

Pada abad kelapan peristiwa Taun di Mesir berlaku tahun 809 H, al-Quds tahun 827 H, serta berlaku secara meluas pada tahun 841 H, 849 H dan 849 H. Peristiwa ini dilaporkan dalam penulisan al-Hafiz Ibn Hajar al-Athqalani (w. 852 H) iaitu Bazl al-ma`un fi Fadhl al-Taun. Salah satu yang dicatatkan dalam kitabnya, Ibn Hajar al-Athqalani menyebutkan peristiwa wabak yang dikenali dengan maut hitam (the Black Death). Peristiwa ini berlaku dalam tempoh tahun 1346-1353 M yang mengakibatkan kematian hingga dua pertiga jumlah penduduk di sebelah Benua Eropah dan sekitarnya. Bahkan wabak penyakit ini merebak dan menjangkiti manusia hingga ke pesisir Afrika Utara dan Asia Barat. Seterusnya pada kurun kesepuluh, peristiwa Taun di Bayt al-Maqdis dan sekitarnya tahun 969 H, 980 H-982 H, kemudian tahun 987 H dan 995 H. Peristiwa ini dirakamkan dalam kitab Fatwa fi al-Taun oleh Ibn Abi Syarf Muhammad al-Mari al-Maqdisi al-Syafi`i (w. 906 H), kitab masih dalam bentuk manuskrip asli di Cambridge.

Peristiwa wabak Taun juga berulang pada tahun 1028 H di Bayt al-Maqdis dan sekitarnya sebagaimana yang di ceritakan al-Mar`i al-Karmi al-Maqdisi (w. 1033 H) dalam kitab Ma yaf`aluhu al-Atibba` wa al-da`awan li daf`i Syar` al-Taun cetakan Dar al-Basyair al-Islamiyyah, Beirut tahun 2000 M.

Seterusnya pada abad ke dua belas, wabak Taun di Bayt al-Maqdis tahun 1156 H, 1174 H, dan 1200 H sebagaimana dilaporkan Abi al-Ma`arif Qutb al-Din al-Bakri al-Sadiqi al-Hanafi al-Khalwati (w. 1162) dalam kitab Sir al-Sa`un (kaza) fi Daf`I al-Taun. Namun kitab ini tidak ditemui sehingga sekarang. Pada abad ketiga belas, wabak Taun berlaku pada tahun 1228 H sebagaimana dilaporkan Muhammad Biram al-Rabi` (w. 1278) dalam kitab Fatwa fi Waba` al-Taun. Kitab ini dalam tulisan asli di Kulliyah al-Baqiyat al-Salihat.

Berdasarkan kepada literatur-literatur penulisan ulama silam, secara umumnya sebelum wujudnya wabak virus Corona, terdapat lima jenis Taun yang telah berlaku di negeri-negeri umat Islam sebagaimana yang dikemukakan Abu al-Hasan al-Mada'ini. Jenis-jenis Taun (Arofi, Z., 2021) iaitu: *Pertama*, Taun Syirawaih, dilaporkan berlaku pada zaman baginda Nabi SAW pada tahun keenam hijriah. *Kedua*, Taun 'Amwas, berlaku pada masa pemerintahan Umar bin al-Khattab ra. *Ketiga*, Taun yang berlaku pada bulan Syawal tahun 69 H telah mengakibatkan kematian mencecah 70 ribu orang setiap hari dalam tempoh tiga hari. Ianya berlaku pada zaman Ibnu Zubair. *Keempat*, Taun Fatayat yang menyebabkan banyak wanita muda meninggal dunia. Peristiwa ini berlaku pada bulan Syawal tahun 87 H. *Kelima*, Taun di Perkampungan Mirbad pada bulan Rejab tahun 131 H. Taun ini semakin bertambah penyebarannya pada bulan Ramadan yang mengakibatkan seribu orang meninggal dunia setiap hari. Taun ini mereda pada bulan Syawal tahun 131 H.

4. Dapatan dan Perbincangan

Secara definisinya, menurut kamus Dewan, wabak membawa maksud kejadian diserang penyakit menular yg merebak dengan cepat di kalangan penduduk sesuatu kawasan seperti hawar, cacar dan taun (Kamus Dewan, 2005). Manakala Taun pula bermaksud penyakit, penyakit muntah-muntah dan selalu buang air. Ianya seperti kolera yang menjadi wabak dan wabak. Manakala secara istilah pandemik pula bermaksud wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas, sama ada hingga ke seluruh wilayah, benua atau dunia (Kamus Dewan, 2005). Daripada maksud ketiga-tiga istilah di atas, menunjukkan bahawa Taun merupakan penyakit serta berjangkit dan menular kepada orang lain. Bahkan Taun menimpa dan menular kepada manusia tanpa membezakan kelamin, bangsa, agama dan suku dalam suatu kawasan yang luas dan boleh merebak ke kawasan lain. Manakala wabak pula lebih umum berbanding Taun. Maka dapat dikatakan bahawa setiap Taun adalah wabak. Namun tidak sebaliknya.

Penyakit menular tidak hanya terkait dengan Taun bahkan termasuk hawar mahupun cacar. Manakala pandemik merupakan istilah yang menunjukkan makna hampir sama dengan wabak.

Sepanjang periode kehidupan manusia, banyak zaman dilalui dengan pelbagai jenis penyakit mematikan serta mengakibatkan kematian (Ridho, M. R., 2020). Bahkan wabak telah berlaku pada zaman sebelum diutuskan Baginda Nabi Muhammad SAW. Misalnya wabak penyakit menimpa umat Nabi Nuh, wabak penyakit kusta yang menimpa umat Nabi Isa. Penceritaan kisah-kisah tersebut dalam al-Quran dimaksudkan sebagai pengajaran kepada umat manusia supaya berlaku adil dan mentaati Allah dan rasulNya.

Secara umumnya penyebaran wabak Taun, hawar, cacar, Mers Cov, mahupun Covid-19 berlaku dengan pantas. Bagi wabak Taun, sebahagian ulama memberikan nama lain iaitu *jarif* yang membawa maksud kepada satu jenis daripada penyakit wabak yang menular dan mengakibatkan kematian ramai orang dalam suatu kawasan. Kesan daripada Taun mengakibatkan rasa dahaga dan rasa sakit yang hebat pada sekujur badan serta mengakibatkan tubuh menjadi hitam, hijau atau abu-abu serta mengeluarkan nanah pada beberapa bahagian tubuh (Hakim, H., 2018).

4.1 Tatacara Mengawal Wabak Penyakit

Dalam literatur Islam, penyakit mematikan seperti Taun ada dinyatakan Baginda Nabi Muhammad SAW sebagaimana sabdanya: “Wabak Taun merupakan kotoran yang dihantarkan Allah SWT ke atas sebagian penduduk Bani Israil dan juga manusia sebelum kamu. Jika kamu semua mendengar ada bencana Taun berlaku pada suatu negeri, janganlah kalian memasuki negeri tersebut. Namun, bila wabak Taun itu menyebar di negeri kalian, janganlah kalian keluar dari negeri kalian menghindari dari penyakit itu.” (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Maklumat Nabi Muhammad SAW di atas menjelaskan tatacara ringkas dan mudah difahami untuk dijalankan ketika menghadapi pandemik penyakit mematikan.

4.1a Isolasi Mandiri (*Lockdown*)

Tatacara pertama bagi mengawal penyebaran wabak penyakit ialah melalui cara isolasi mandiri (*self-quarantine*). Setiap individu yang terjangkit mahupun belum terjangkit dikehendaki mengasingkan diri mereka

daripada yang lain (Rosman, A. S., et.al., 2019). Kedua, Nabi Muhammad SAW arahkan isolasi kawasan apabila berlaku wabak penyakit bagi mengelakkan virus tersebar ke tempat lain. Pada zaman sekarang ini ianya dikenali dengan kuarantin (*lockdown*) peringkat kawasan atau negeri atau negara. Hal ini merupakan usaha sama yang komprehensif daripada setiap individu bagi memutus mata rantai wabak penyakit mematikan. Ini bertujuan bagi mengelakkan virus menyebar ke tempat lain serta mengakibatkan kawalan semakin sukar dilakukan. Walau bagaimanapun, individu yang berada dalam kawasan wabak penyakit perlu melakukan ikhtiar mencari ubat bagi mengubati pesakit.

Bagi menjadikan kuarantin berjalan efektif, individu yang berada di luar kawasan wabak tidak dibenarkan memasuki kawasan wabak penyakit. Selain itu, Islam mengesyorkan sebarang usaha bagi menjaga diri daripada wabak virus serta mengelakkan daripada berinteraksi secara bersemuka daripada orang yang terjangkit. Amalan penjagaan diri melalui penjagaan kesihatan pada tahap maksimum merupakan ikhtiar menjaga diri dan orang lain daripada dijangkiti wabak virus. Protokol kesihatan pada tahap tinggi mesti diamalkan dan bahkan ditingkatkan semasa wabak virus penyakit mematikan berlaku. Justeru tawakal dalam literatur Islam bermaksud menerima segala ketentuan Allah dengan berlakunya wabak, namun berusaha mengubati dan mencari cara menyelamatkan diri daripada wabak penyakit. Hal ini selari dengan maksud hadis berkaitan wabak Taun:

الطاعون آية الرجز ابتلى الله عز وجل به ناسا من عباده فإذا سمعتم به فلا تدخلوا
عليه وإذا وقع بأرض وأنتم بها فلا تفروا منه

"Wabak penyakit Taun merupakan salah satu tanda peringatan dari Allah Swt untuk menguji hamba-hambanya. Sehingga bila mana kalian mendengar berita tentang adanya wabak penyakit tersebut di suatu kawasan, maka jangan sekali-kali kalian memasukinya, dan bila wabak penyakit tersebut telah terjadi pada suatu daerah dan kalian berada di dalamnya, maka janganlah kalian keluar darinya". (Hadis Riwayat Muslim)

Bahkan dalam literasi Islam, orang yang terjangkit virus mendapatkan pahala atas kesabaran menghadapi wabak penyakit. Bahkan kematian

individu Muslim akibat jangkitan penyakit mematikan digolongkan daripada jenis mati syahid. Hal ini sebagaimana hadis Nabi yang diriwayatkan dari Hafsa binti Sirin bahawa ia menceritakan, Anas bin Malik berkata, "Rasulullah bersabda: Orang yang mati kerana wabak Taun adalah mati syahid." (HR. Bukhari dan Muslim).

4.1b Iman Kepada *Qada`* dan *Qadar*

Keimanan kepada *qada`* dan *qadar* merupakan hal penting bagi menghadapi wabak penyakit mematikan. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir manusia menganggap bahawa *qada`* dan *qadar* merupakan paksaan daripada Allah SWT kepada makhluknya mengikuti apa sahaja yang telah ditentukan ke atas hambaNya. Kefahaman seperti adalah keliru. Ha ini sebagaimana dijelaskan Imam al-Nawawi dan al-Khattabi memaklumkan maksud daripada beriman kepada *qada`* dan *qadar* ialah: "Ramai orang menyangka bahawa *qada`* dan *qadar* bermakna Allah SWT memaksa hamba mengikut apa yang telah ditetapkan. Hakikatnya bukan begitu. *Qada`* dan *qadar* ialah pemberitahuan bahawa Allah SWT mengetahui segala usaha hamba dan ianya terjadi bertepatan dengan ilmu-Nya.

Justeru kemantapan keimanan merupakan keperluan serta bersedia menghadapi wabak penyakit. Keguncangan jiwa dalam menghadapi musibah dapat membawa kesan buruk semasa wabak penyakit berlaku (Ren, J. L., et.al., 2020). Kelemahan spiritual (keimanan) pada diri individu boleh mengakibatkan kelemahan akal fikiran dalam menghadapi wabak penyakit serta menyebabkan lemah semangat dan berputus asa menghadapi permasalahan yang dihadapi.

Keimanan yang tertanam dalam diri individu yang meyakini segala kejadian yang berlaku merupakan ketentuan sang pencipta dapat memberikan semangat yang datang dari dalam jiwa untuk menghadapi cabaran mahupun kesukaran. Keadaan orang yang mengalami masalah lemah keimanan menjadikan seseorang mudah mengalami gangguan kejiwaan seperti emosi tidak terkawal, ketakutan, cemas, debaran jantung lebih laju, stress, serta melampiaskan kemarahan pada hal-hal yang tak sepatutnya (mala-daptif).

Sebaliknya, keimanan kepada *qada`* dan *qadar* dapat memberikan dorongan kuat dari dalam diri sehingga dapat mengawal diri pada hal positif. Kawalan perasaan sedih, takut, stres akan dapat dilakukan apabila diri seseorang memiliki paksi kukuh terhadap keimanan tentang *qada`* dan

qadar terhadap suatu keadaan yang berlaku disekeliling sama ada disukai mahupun tidak disukai. Muslim perlu melakukan perubahan kepada diri serta melakukan penyesuaian kepada situasi yang berlaku disekeliling. Penyesuaian diri terhadap wabak penyakit membolehkan dapat mengurangkan kegugupan, ketakutan dan stres semasa pandemik. Menurut Strauss, G. H., & Yarhouse, M. A. (2002), individu yang dapat menyesuaikan diri dengan tuntutan dan tugas dapat mengurangkan perasaan stres. Bahkan aspek fizikal, sosial dan keadaan psikologi seseorang dipengaruhi keadaan persekitaran (Finkelstein, 2004). Justeru kawalan diri terhadap perubahan negatif dapat dikurangkan melalui ketenteraman jiwa yang diperolehi melalui keimanan yang kukuh.

Melalui pegangan hidup serta prinsip yang diajarkan Islam, seorang muslim mempunyai kemampuan dan kestabilan bagi mencapai keseimbangan dalam hidup. Keadaan susah, senang, kaya, miskin merupakan bahagian daripada kehidupan dunia. Pegangan kepada Allah SWT melalui kesan-kesan yang ditunjukkan secara nyata dalam alam dapat mengurangkan perasaan negatif pada diri ketika menghadapi wabak penyakit. Bahkan dapat mendatangkan kekuatan untuk bersabar dan berikhtiar mencari ubat dan peluang dalam kesusahan.

Justeru pegangan kepada keimanan dapat mengurangkan tekanan pada diri akibat stres menghadapi wabak virus. Namun sebaliknya longgar pada pegangan keimanan mengakibatkan seseorang kehilangan energi, nafsu makan mahupun minat. Bahkan seseorang akan kehilangan fokus, fikiran buruk untuk bunuh diri mahupun perasaan bersalah (Kaplan & Sadock, 1997). Tekanan stress juga berakibat buruk dan dapat merosakkan sistem hypo-thalamic-pituitary-adrenocortical (HPA) serta mengakibatkan peningkatan jumlah kortisol dalam darah (Parker, et. al, 2003).

Akibatnya, individu yang mengalami stres berlebihan dapat menyebabkan penurunan pada sistem imun badan (Abbas, 2000). Hal ini memberi kesan buruk bagi kesihatan individu yang berada dalam situasi menghadapi wabak penyakit membolehkan seperti Covid-19. Hal ini selari dengan kajian-kajian yang dijalankan berkaitan penurunan imun akibat gangguan psikologi (Rezaei, 2008; Kiyani, 2011).

Dapatan kajian Sulianti, A., & Sahroni, D. (2017) yang mengutip Belzen (dalam Chizanah 2011) mendapati kaitan aktiviti agama serta keyakinan kepada penciptanya memberi kesan baik kepada peningkatan imun

individu pesakit yang sedang dirawat (Kane, 2006). Kajian yang dijalankan Khan (2010) menunjukkan bahawa pembacaan al-Quran secara langsung mahupun melalui media elektronik kepada pesakit dapat memberi kesan ketenangan, mengurangkan kebosanan, mengurangkan tekanan perasaan, penurunan stress ke atas pesaki.

Kesan yang didapati daripada pembacaan al-Quran dijangkakan memperolehi faedah lebih lama jika dilakukan secara berterusan setiap hari. Justeru, keimanan yang dipraktikkan melalui pembacaan al-Quran, zikir, solat, puasa sunat, sedekah, berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan sesama manusia dapat membantu manusia lebih bersedia menghadapi wabak virus. Ketenangan batin merupakan perkara penting ketika suasana kekusutan hati akibat pandemik.

4.1c Menutup Pintu Sempadan Negara dan Perintah Kawalan Pergerakan

Tatacara lain menghadapi wabak virus ialah kesediaan individu yang terjangkit virus untuk menetap di kediamannya serta tidak bergerak ke tempat lain (Beigel, J. H., et.al., 2020). Hal ini bagi mengelakkan jagkitan virus terkena kepada orang lain dan menghalang penyebaran virus ke tempat lain. Baginda Nabi Muhammad SAW memaklumkan larangan orang yang terjangkit wabak Taun untuk menetap di kawasan sendiri (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Bagi menguatkuasakannya, *ulil amri* (pemimpin) merupakan pihak berautoriti bagi membantu mengawal penyebaran wabak virus. Penguatkuasaan ini selari dengan maqasid Syariah menyelamatkan nyawa manusia (Sanusi, A., 2020). Pengaplikasian konsep *siasah syar'iyah* juga perlu dijalankan bagi membendung pergerakan manusia semasa pandemik. Ini kerana pada kebiasaannya manusia sukar berkurung diri. *Siasah syar'iyah* telah pernah dicontohkan Baginda Nabi Muhammad SAW. Misalnya keengganan Baginda membina semula Ka'bah seperti binaan asal kerana kerisauan disalahfahami. Saidatina 'Aisyah R.Anha meriwayatkan bahawa Baginda SAW bersabda kepadanya:

يَا عَائِشَةُ، لَوْلَا قَوْمُكَ حَدِيثُ عَهْدِهِمْ - قَالَ ابْنُ الرَّبِيِّرِ بِكُفْرٍ - لَنَقَضْنَا الْكَعْبَةَ فَجَعَلْنَا
لَهَا بَابَيْنِ بَابَ يَدْخُلُ النَّاسُ، وَبَابَ يَخْرُجُونَ

Maksudnya: Wahai 'Aisyah, jika aku tidak mengambil kira keadaan kaummu yang masih baharu menganut Islam (kata Ibn Zubair: masih baharu meninggalkan kekufuran), nescaya

67 Pencegahan Penularan Covid-19: Analisis Persediaan Menurut Islam

Kaabah sudah aku runtuhkan dan bina daripanya dua pintu; satu pintu masuk dan satu pintu keluar (Riwayat al-Bukhari, no. hadith 126).

Keinginan baginda Nabi Muhammad SAW membina semula Kabah seperti bangunan asal merupakan kemaslahatan pada satu sudut pandang. Namun baginda mengambil pendekatan siasah meraikan keadaan masyarakat Islam yang baru memeluk Islam supaya tidak timbul kegoncangan pada keimanan mereka dengan pengubahsuaian bangunan ka`bah.

Bagi mengulas pendekatan yang diambil Nabi Muhammad SAW, Imam Bukhari meletakkan hadis ini dalam bahagian “Meninggalkan sebahagian pilihan kerana takut disalahfahami oleh sebahagian orang, dan terjadi perkara yang lebih buruk daripada pilihan itu”. Ibn Hajar al-Athqalani mengomentari hadis di atas bahawa pemerintah diberi amanah bagi menguruskan urusan rakyat untuk kemaslahatan mereka, meskipun tindakan itu bercanggah dengan beberapa hal, selagi mana ia bukan perkara yang diharamkan (al-Athqalani, 1990). Begitu pula keadaannya ketika wabak Covid-19 yang sedang dihadapi pada ketika ini, pemerintah bertanggungjawab menjaga kemaslahatan awam (penjagaan nyawa) berbandingkan kepentingan yang lebih kecil seperti sektor pelancongan dengan menutup pintu sempadan negara serta menangguhkan kedatangan pelancong luar yang mempunyai risiko membawa masuk virus.

Justeru tindakan menghalang manusia masuk ke dalam negara dan mencegah masyarakat daripada keluar rumah merupakan usaha memutus mata rantai penyebaran Covid-19 dipandang sebagai usaha yang selari dengan maqasid syariah iaitu menjaga nyawa. Hal ini juga selari dengan pandangan amalan sahabat Umar bin al-Khattab ketika melarang manusia masuk ke kawasan yang terkena wabak Taun `Amwas. Berdasarkan situasi ini, pihak kerajaan boleh memilih sesuatu perkara yang tiada nas syarak yang jelas untuk memilih pandangan-pandangan tertentu serta meletakkan perkara-perkara tersebut di bawah *siasah syar`iyyah* serta bergantung kepada *maslahah* rakyat.

Oleh itu, pencarian jalan terbaik dalam mengawal dan menyelamatkan nyawa manusia daripada wabak virus seperti Covid-19 merupakan perkara yang perlu diputuskan dan dijalankan. Penggunaan *siasah syar`iyyah* juga sesuai diamalkan pihak kerajaan bagi membincangkan isu-

isu semasa yang memerlukan ijtihad terhadap masalah-masalah yang belum ada keputusan hukum ataupun memerlukan kepada cara terbaik dalam menghadapi isu-isu terbaru seperti wabak Covid-19. Hal ini kerana keutamaan *siasah syar'iyah* mestilah berlandaskan kepada keutamaannya iaitu kemaslahatan kepada manusia. Ianya melibatkan *maslahah* manusia sejagat tanpa mengira kepada bangsa dan agama selari dengan tujuan pengutusan Islam dan rasul sebagai *rahmatan lil `alamin*.

Tindakan pemerintah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan ijtihad baharu dalam usaha menyekat penyebaran Covid-19 yang dipandang selari dengan *siasah syar'iyah* bagi menyelamatkan nyawa manusia daripada wabak virus Covid-19. Selain itu, tindakan menjalankan PKP juga selari dengan kaedah “الشريعة لتأمين مصالح الانسان” yang membawa maksud syariat adalah untuk kemaslahatan manusia.

Arahan *stay at home* (tetap berada di rumah masing-masing) pada masa wabak Covid-19, menangguhkan atau membatalkan perjalanan ke luar negara, serta menghalang orang dari luar negara masuk ke Malaysia adalah bertujuan menjaga masyarakat tempatan daripada dijangkiti virus yang berkemungkinan dibawa dari luar menepati kehendak agama dan *siasah Syar'iyah*. Begitu pula larangan keluar negara dihentikan pada masa pandemik bagi menghalang virus dibawa keluar negara serta dikhuatiri dapat berjangkit kepada orang lain. Hal ini selari dengan kaedah fiqh yang memperuntukkan “*La dharar wala dharar*” yang membawa maksud tidaklah seseorang diizinkan melakukan *dharar* (menyakiti) ke atas diri dan tidak lah boleh seseorang untuk disakiti. Dalam konteks ini kerajaan telah mengambil tindakan menepati kehendak syarak bagi menghalang seseorang menyakiti orang lain dengan membawa virus penyakit kepada orang lain serta menghalang orang awam daripada disakiti terkena wabak virus.

Walau bagaimanapun tidak dinafikan tindakan penguatkuasaan PKP telah mengakibatkan kesan negatif kepada masyarakat awam seperti penutupan sementara pusat perniagaan, pembatasan kehadiran pekerja ke kilang menyebabkan punca pendapatan masyarakat meruncing. Namun dalam keadaan pandemik, keutamaan kerajaan ialah memelihara nyawa rakyat daripada terkorban yang merupakan *maslahah* utama berbandingkan rancangan pertumbuhan ekonomi serta kehilangan punca pendapatan kepada sebahagian masyarakat. Ianya selari dengan maksud daripada

kaedah “المصلحة العامة تقدم على المصلحة الخاصة” yang membawa maksud ke-maslahatan umum perlu didahulukan berbanding dengan kepentingan khusus.

Hal ini dilihat sebagai panduan kepada umat Islam ketika menghadapi wabak penyakit pada setiap zamannya (Al-Nawawi, 2002; al-Qattan, 2001). Bahkan ianya juga disifatkan sebagai penyelamat kepada kerosakan yang lebih besar akibat pandemik seperti penguncupan ekonomi mahupun terbantutnya proses pendidikan. Keperluan pihak berauthoriti melarang masyarakat bergerak bebas bahkan termasuk larangan menghadiri solat berjemaah ke masjid dan surau pada satu-satu masa ketika pandemik bagi tujuan mengelak wabak merebak dan menjangkiti orang lain. Selain itu tindakan ini juga bersesuaian dengan kaedah “إذا تعارضت مفسدتان روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما” yang membawa maksud apabila tidak dapat dielak dari dua kemudaratan, hendaklah dikira yang mana lebih besar dan terpaksa menanggung yang lebih ringan. Keadaan sebahagian peniaga atau pekerja terpaksa menanggung kerugian bagi tujuan menyelamatkan diri dan orang lain dari virus yang boleh mengancam nyawa orang mestilah diberi pertimbangan sewajarnya.

4.1d Penjagaan Protokol Kesihatan

Penjagaan kesihatan merupakan tuntutan dalam agama Islam. Hal ini terbukti daripada nas al-Quran mahupun hadis Nabi untuk menjaga kebersihan dan kesihatan, bahkan penjagaan keduanya merupakan antara ciri keimanan seorang Muslim. Misalnya firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 222 yang memberikan penekanan penjagaan kebersihan serta berusaha mewujudkan suasana selesa sama ada ketika beribadat ataupun tidak. Begitu juga tuntunan daripada Nabi Muhammad SAW yang menggesa dalam penjagaan kesihatan sebagaimana hadis dari Abu Malik al-As'hari berkata: Sabda Rasulullah SAW: Kebersihan itu sebahagian daripada iman (Hadis riwayat Imam Muslim).

Justeru penjagaan diri dan masyarakat daripada wabak virus melalui penjagaan kesihatan pada tahap maksimum merupakan cara yang dicadangkan sumber rujukan Islam. Bahkan para ulama secara khusus membincangkan kebersihan dan kesucian daripada najis dan kotoran pada bahagian awal kitab-kitab fekah berkaitan bab *taharah* (kebersihan). Kebersihan sangat dititikberatkan dalam semua hal termasuk ibadah.

Penjagaan kebersihan dan kesihatan turut dititikberatkan semasa menghadapi Covid-19 sebagaimana disyorkan pakar-pakar kesihatan. Mengamalkan membasuh tangan secara kerap dengan air dan sabun selepas menyentuh suatu benda, memakai pelitup muka ketika bercakap dengan orang lain mahupun menghindarkan diri dari berhimpun beramai-ramai semasa pandemik juga antara amalan yang patut diamalkan untuk memutus penyebaran penyakit sebagaimana disyorkan pihak kerajaan. Ini selari dengan arahan al-Quran dimana pertanyaan dikemukakan kepada pakarnya sekiranya tiada pengetahuan di kalangan masyarakat (lihat surah al-Nahl ayat 43). Arahan ayat ini berlaku dalam segala urusan dan umum mengenai urusan dunia mahupun urusan agama. Oleh itu, urusan dunia dirujuk kepada pakar bidangnya. Begitu pula urusan agama ditanyakan kepada pakarnya (ulama).

Selain itu, tidak bersalaman semasa pandemik juga disyorkan pakar kesihatan. Tidak dapat dinafikan bahawa agama menyuruh dan memuliakan orang yang bersalaman sebagai tanda menjaga silaturrahim serta diberi pahala dan kemuliaan melalui amalan ini. Perolehan pahala dengan bersalaman sebagaimana hadis riwayat al-Barra' bin Azib, sabda Nabi SAW yang bermaksud: "Tidaklah dua orang Muslim itu bertemu lalu mereka bersalaman melainkan diampunkan dosa keduanya sebelum mereka berpisah." Sunat hukumnya melakukan salaman tangan serta ianya telah menjadi kesepakatan ulama. Secara amnya menurut Ibn Battal (2003), bersalaman tangan sangat baik kesannya.

Walau bagaimanapun, hukum boleh berubah akibat tuntutan keadaan. Sentuhan merupakan salah satu cara tersebarnya virus Covid-19. Maka tuntutan bersalaman tangan pada masa kini berubah kepada tidak dituntut agama bahkan boleh diancam dengan dosa sekiranya sengaja menyebarkan virus melalui bersalaman tangan. Ini selari dengan tuntutan menghindarkan diri sebaik mungkin daripada penyebab kepada mudarat (penyakit/virus) terkena kepada orang lain. Oleh itu, tidak bersalaman pada masa kini dipandang sebagai sesuai dan selari dengan tuntutan syarak serta *ihiyat* (berjaga-jaga) serta menjadi cara atau inisiatif bagi mengekang virus Covid-19 sekalipun pada asalnya ia merupakan satu sunah. Namun Kementerian Kesihatan Malaysia memberikan solusi bagi menjalankan sunnah bersalaman tangan dengan menggantikan melalui pemberian isyarat meletakkan tangan ke dada. Mengelakkan bersalaman pada masa pandemik juga selari dengan petunjuk sunnah Nabi sebagaimana hadis riwayat Imam Muslim berkaitan arahan Nabi SAW agar

menjauhkan diri daripada orang yang dijangkiti penyakit kusta (lihat Al-Naysaburi, Muslim bin al-Ḥajjaj, Sahih Muslim, hadis no. 2219). Penyakit kusta merupakan penyakit yang berjangkit. Begitu juga larangan Nabi mendatangi kawasan yang sedang dijangkiti wabak: “Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat.” (lihat Al-Bukhari, Ṣaḥīḥ al-Bukhari, hadis no. 5771; Lihat juga, Al-Naysaburi, Muslim bin al-Ḥajjaj, Ṣaḥīḥ Muslim, hadis no. 2221). Maka arahan Nabi SAW menjauhkan diri semasa pandemik juga membabitkan larangan persentuhan adalah bagi mengekang penularan penyakit kepada orang lain atau meluas ke kawasan lain.

5. Kesimpulan

Tatacara persediaan dan kesediaan menghadapi wabak virus penyakit mematkan memainkan peranan penting ketika menghadapi wabak untuk mengurangkan risiko kematian dalam jumlah besar. Persediaan perlu dilakukan dengan lebih cekap dan terancang. Kesediaan kerajaan melalui polisi yang komprehensif dijangkakan dapat meridius jumlah jangkitan dan mengawal kawasan daripada terjangkit virus penyakit. Masyarakat awam perlu patuh, mengamalkan dan akur terhadap protokol kesihatan yang ditetapkan pihak kerjaan. Kolaborasi Kerjasama umara dan rakyat secara timbal balik pada tahap optimum akan dapat menjayakan usaha melawan Covid-19. Dalam kajian ini, kami meneliti dan membandingkan sumber rujukan Islam dengan pengamalan tatacara menghadapi wabak penyakit mematkan pada zaman dahulu dan sekarang. Hasil kajian menunjukkan usaha kerajaan mengawal penyebaran wabak virus mematkan akan lebih terkawal apabila tatacara persediaan dilakukan dengan lebih sistematik. Kedua, pematuhan kepada SOP yang diletakkan perlu dikuatkuasakan pada tahap optimum bagi memperolehi kejayaan dalam memutus rantai penyebaran wabak virus penyakit mematkan. Ketiga, amalan PKP dan beberapa amalan lain dalam memutus rantai penyebaran wabak Covid-19 yang dijalankan pada masa pandemik sekarang ini selari dengan sumber rujukan Islam al-Quran, hadis, siasah syar`iyyah dan maqasid Syariah serta kaedah fekah. Akhirnya, kejayaan memerangi penyebaran wabak penyakit mematkan perlukan kepada usaha bersinergi antara semua pihak pemerintah dan rakyat tanpa berbelah bahagi.

Acknowledgment

Penyelidikan ini di bawah geran penyelidikan TIER 1 H825, Pusat Pengurusan dan Penyelidikan (RMC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

RUJUKAN

- Abbas, A. K., & Janeway, C. A. (2000). Immunology: improving on nature in the twenty-first century. *Cell*, 100(1), 129-138.
- Abi Abdillah Lisan al-Din bin al-Khatib (w.776H). *Turath al-Taun al-Wabai aw al-Maradh al-Wafid*
- Abu Bakr Muhammad bin Zakaria al-Razi (1987), *al-Mansuri fi al-Tib-Tahaqqaqa* Dr. al-Bukri al-Shadiq. Mansyurat Ma`had al-Makhtutat al-Arabiyyah, hlm. 225.
- Al-Athqalani, A. B. A. H., (1993). *Fath Al-Bari Bi-syarah Sahih Al-Bukhari*. Dar al-fikr. Jld. 11, h. 509.
- Al-Bukhari, M. (1978). *Sahih al-Bukhari*. Dar Ul-Hadith.
- Al-Hajjaj, M. B. (2007). *Sahih Muslim*. Riyadh: Darussalam.
- Ali bin al-`Abbas al-Mujawwasi (1984 H). *Kamil al-Sina`ah al-Tibbiyah*. Misr: al-Matba`ah al-Kubra, jld. 1, hlm. 168-169.
- Ali Ibn Ridhwan (1988), *Risalah fi al-Hilah fi Daf`i Mudhar al-Abdan bi Ardh Misr-Tahqiq* Dr. Ramziah al-Athraqaji. Markaz Ihya` al-turath al-`Ilmi al-`Arabi, Jami`ah Baghdad, hlm. 46.
- Al-Nawawi, Muhy al-Din Yahya ibn Syarf. (2002). *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*. Tahqiq Khalil Ma'mun Syiha. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Nawawi, Sharh al-Nawawi `ala Sahih Muslim, Cet.2. Jilid 1, h. 154-155.
- Al-Qattan, Manna'. (1996). *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*. Edisi ke-2. Riyadh: Maktabah alMa'arif li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-Sa'idan, Walid bin Rashid (t.th.). *al-Ifadah al-syar'iyah fi ba'd al-masa'il al-tibbiyah*.
- Arofi, Z. (2021). Optimis di Tengah Pandemi: Cara Rasulullah Menyelesaikan Masalah Pandemi. *Community Empowerment*, 6(1), 91-98.
- Basyir Abd al-Ghani Barakat (2016), *Al-Kawarith fi Bayt al-Muqaddis*. Dar al-Muqtabis, Damsyik, hlm. 155-161.

73 Pencegahan Penularan Covid-19: Analisis Persediaan Menurut Islam

- Battal, I. (2003). Abu al-Hasan Ali Halef b. Abdulmalik al-Kurtubi, (w. 449/1057), *Şyarah Sahih al-Bukhari*, tahqiq: Abu Tamim Yasir b. Ibrahim, Maktabah al-Ruyd, Riyad.
- Beigel, J. H., Tomashek, K. M., Dodd, L. E., Mehta, A. K., Zingman, B. S., Kalil, A. C., ... & Lane, H. C. (2020). Remdesivir for the treatment of Covid-19. *New England Journal of Medicine*, 383(19), 1813-1826.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus dewan*. DBP.
- Felsenstein, S., Herbert, J. A., McNamara, P. S., & Hedrich, C. M. (2020). COVID-19: Immunology and treatment options. *Clinical Immunology*, 108448.
- Finkelstein, E. A., Fiebelkorn, I. C., Corso, P. S., & Binder, S. C. (2004). Medical expenditures attributable to injuries-United States, 2000. *MMWR: Morbidity & Mortality Weekly Report*, 53(1), 1-1.
- Golechha, M. (2020). COVID-19 Containment in Asia's Largest Urban Slum Dharavi-Mumbai, India: Lessons for Policymakers Globally. *Journal of Urban Health*, 97(6), 796-801.
- Hakim, H. (2018). Epidemi Dalam Alquran (Suatu Kajian Tafsir Maudhu'i Dengan Corak Ilmi). *Kordinat: Jurnal Komunikasi antar Perguruan Tinggi Agama Islam*, 17(1), 113-128.
- Ibn Hajar al-Athqalani (n.d). *Bazl al-Ma`un fi Fadl al-Taun*. Tahqiq Ahmad Abd al-Qadir al-Katib. Dar al-`Asimah, al-Riyadh, hlm. 361-370.
- Kaplan, H. I., Sadock, B. J., & Grebb, J. A. (1997). *Kaplan dan Sadock Sinopsis Psikiatri Ilmu Pengetahuan Perilaku Psikiatri Klinis Jilid 2*.
- Kiyani, R., Mohammadi, A., & Sattarzadeh, L. (2011). The survey compares mental health and happiness of athlete and non-athlete employed people. *Procedia-social and behavioral sciences*, 30, 1894-1896.
- Mahmud al-Haj Qasim Muhammad (2020), *al-Biah wa al-Awbiah fi al-Turath al-Thibbi al-Arabi al-Islami*. Al-Mosul: Dar Masyki li al-Tiba`ah wa al-Nasyr, Nainawi, Rabithah al-Tadrisiyyin al-Jamiiyyin.

**Faisal Husen Ismail, Muhammad Masruri, Arwansyah Kirin, Abd Shakor 74
Borham, Ah-mad Sharifuddin, Zaitun Muzana**

- Martins-Filho, P. R., Gois-Santos, V. T. D., Tavares, C. S. S., Melo, E. G. M. D., Nascimento-Júnior, E. M. D., & Santos, V. S. (2020). Recommendations for a safety dental care management during SARS-CoV-2 pandemik. *Revista Panamericana de Salud Pública*, 44, e51.
- Marzuki, I., Bachtiar, E., Zuhriyatun, F., Purba, A. M. V., Kurniasih, H., Purba, D. H., ... & Airlangga, E. (2021). *COVID-19: Seribu Satu Wajah*. Yayasan Kita Menulis.
- Muhammad bin Ali al-Syawkani (2005). Ittihaf al-Mahrah bi al-Kalam `Ala Hadith la `Udwa wala Thayarah. Tahqiq Rasyid bin `Amir bin Abdillah al-Gahfili. Dar Atlas al-Khadra`.
- Muhammad Zakaria al-Kandahlawi (2003), Awjaz al-Masalik ila Muwattha` Malik, Tahqiq Taqiyuddin al-Nadwi. Beirut: Dar al-Qalam, j. 15, hlm. 667.
- Nascimento Junior, J. A. C., Santos, A. M., Quintans-Júnior, L. J., Walker, C. I. B., Borges, L. P., & Serafini, M. R. (2020). SARS, MERS and SARS-CoV-2 (COVID-19) treatment: a patent review. *Expert opinion on therapeutic patents*, 30(8), 567-579.
- Ren, J. L., Zhang, A. H., & Wang, X. J. (2020). Traditional Chinese medicine for COVID-19 treatment. *Pharmacological research*, 155, 104743.
- Rezaei, M. A. H. B. O. U. B. E. H., Seyedfatemi, N., & Hosseini, F. A. T. E. M. E. H. (2008). Spiritual well-being in cancer patients who undergo chemotherapy. *Hayat*, 14.
- Rhodes, J. C., Schoendorf, K. C., & Parker, J. D. (2003). Contribution of excess weight gain during pregnancy and macrosomia to the cesarean delivery rate, 1990–2000. *Pediatrics*, 111(Supplement 1), 1181-1185.
- Ridho, M. R. (2020). Wabah Penyakit Menular dalam Sejarah Islam dan Relevansinya dengan Covid-19. *JUSPI (Jurnal Sejarah Peradaban Islam)*, 4(1), 24-33.
- Rosman, A. S., Fadzillah, N. A., Haron, Z., Ripin, M. N., Hehsan, A., Jandra, M., & Jamli, N. A. O. (2019). Fatwa & Sains Perubatan Moden Menurut Perspektif Maqasid Syariah (Fatwa & Modern Medical Sciences From The Perspective of Maqasid Syariah). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2-2).

75 Pencegahan Penularan Covid-19: Analisis Persediaan Menurut Islam

- Sanusi, A. (2020). Teori Maqoshid Syariah dan Penerpannya pada Fatwa Korona (Studi Analisis Kritis). *Syakhsia: Jurnal Hukum Perdata Islam*, 21(1), 1-38.
- Sheahan, T. P., Sims, A. C., Graham, R. L., Menachery, V. D., Gralinski, L. E., Case, J. B., ... & Baric, R. S. (2017). Broad-spectrum antiviral GS-5734 inhibits both epidemic and zoonotic coronaviruses. *Science translational medicine*, 9(396).
- Strauss, G. H., & Yarhouse, M. A. (2002). Human sexuality in a sexually polymorphous world. *Journal of Psychology and Theology*, 30(2), 99.
- Sulianti, A., & Sahroni, D. (2017). Terapi Biopsikologi di rumah Untuk Meningkatkan Kekuatan Motorik Pasca Stroke Ulangan. *Jurnal Biodjati*, 2(2), 126-137.
- Thomas Orland (1972). *Turath al-Islami-Tarjamah Jarjis Fathullah*. Dar al-Tiba`ah, Dar al-Thali`ah, Beirut, j.2, hlm. 487-488.
- Vos, T., Lim, S. S., Abbafati, C., Abbas, K. M., Abbasi, M., Abbasifard, M., ... & Bhutta, Z. A. (2020). Global burden of 369 diseases and injuries in 204 countries and territories, 1990–2019: a systematic analysis for the Global Burden of Disease Study 2019. *The Lancet*, 396(10258), 1204-1222.